



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2017/01/03 (HQ)**

### **BEKALAN ELEKTRIK DI KELANTAN DAN TERENGGANU PULIH SEPENUHNYA**

Bekalan elektrik di Kelantan dan Terengganu pulih 100 peratus pada jam 2:00 petang ini, kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) Tenaga Nasional Berhad (TNB), Wan Nazmy Wan Mahmood.

Bekalan dipulihkan secara berperingkat sejak pagi ini berikutan keadaan banjir yang semakin reda di kedua-dua negeri, katanya.

Semalam, 23 pencawang elektrik terpaksa dihenti tugas di Kelantan dan di Terengganu ekoran paras air yang meningkat secara mendadak.

Sejumlah 15 buah PE tersebut terletak di Kelantan manakala lapan lagi di Terengganu.

"Langkah itu perlu bagi mengelakkan kejadian litar pintas dan demi keselamatan orang ramai," jelas Wan Nazmy.

Walaupun tiada lagi PE yang dihenti tugas, bilik gerakan banjir TNB di kedua-dua negeri terbabit masih dibuka bagi memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini mengenai bekalan elektrik, katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai untuk menghubungi talian TNB CareLine di 15454 bagi mendapatkan maklumat lanjut.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 3:00 petang, 4 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*